

31 JUL 2001

Taib-Calon

SENARAI CALON PBB DIKETAHUI AKHIR OGOS

MUKAH, 31 Julai (Bernama)-- Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan memutuskan sebelum akhir Ogos, senarai calon parti itu yang akan bertanding pada pilihan raya negeri tidak lama lagi.

Presidennya, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata keputusan itu akan dibuat pada mesyuarat parti yang dijadualkan pada minggu akhir Ogos.

Abdul Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak berkata mesyuarat itu juga akan memutuskan kerusi yang akan ditandingi oleh beliau iaitu samada kekal di Asajaya atau berpindah ke tempat lain.

Wakil-wakil rakyat PBB di Balingian, Dalat, Matu-Daro, Serdeng dan Belawai sebelum ini telah menyatakan kesediaan menyerahkan kerusi mereka kepada presiden parti pada pilihan raya negeri yang bakal diadakan sebelum November ini.

Bercakap kepada pemberita selepas meletak batu asas projek pembinaan jambatan Batang Mukah yang bernilai RM25 juta di sini, beliau berkata keputusan tersebut akan diserahkan sepenuhnya kepada jawatankuasa parti.

Apabila ditanya samada PBB patut membenarkan beliau sebagai presiden memilih kerusi sendiri, Abdul Taib berkata perkara itu tidak akan berlaku kerana ia bukan tradisi parti.

"Presiden tidak boleh membuat keputusan sendiri dan cara itu patut dikekalkan, jika tidak dia akan memilih tempat kesukaannya sedangkan semua kerusi lain juga bernilai kepada parti," katanya.

Beliau berkata pemilihan calon dan kerusi oleh PBB tidak dibuat berdasarkan faktor peribadi atau keturunan tetapi berdasarkan pengalaman sebelum ini, kriteria penting ialah isu pembangunan.

Ketua Menteri bagaimanapun berkata beliau bersedia untuk bertanding di mana-mana kerusi yang ditetapkan oleh parti.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Kinabalu semalam bahawa Umno tidak akan menyokong mana-mana calon yang menentang BN pada pilihan raya negeri Sarawak, beliau berkata kenyataan itu memang dijangkakan.

-- BERNAMA

ESS MOZ